

18 JAN 1997

Pelancongan-filem

TIDAK ADA SEKATAN PENGAMBARAN FILEM DI LOKASI PELANCONGAN NEGARA

KUALA LUMPUR, 18 Jan (Bernama) -- Kementerian Kebudayaan, Keseniaan dan Pelancongan tidak pernah mengenakan sebarang sekatan terhadap karyawan filem luar negara mengadakan penggambaran di lokasi-lokasi pelancongan tanah air.

Ketua Setiausaha kementerian Datuk Ismail Adam berkata karyawan filem luar negara hanya perlu mengemukakan permohonan kepada Jawatankuasa Penyiaran Kementerian Penerangan sebelum diluluskan.

"Pada umumnya tidak ada sebarang sekatan tetapi terdapat beberapa negeri yang mengenakan larangan di kawasan-kawasan tertentu untuk dirakam (penggambaran)," katanya kepada pemberita selepas merasmikan pertunjukan ikan lumba-lumba dan haiwan serta pameran fosil dinasour di sini hari ini.

Pertunjukan dan pameran itu bermula Rabu lepas sehingga 28 Feb di Plaza Phoenix, Cheras.

Ismail berkata karyawan filem luar negara bagaimanapun perlulah memohon sekurang-kurangnya dua bulan lebih awal dari tempoh penggambaran bagi jawatankuasa itu meneliti skrip dan penggunaan lokasi sebelum diluluskan.

Rabu lepas Perdana Menteri Datuk seri Dr Mahathir Mohamad mengajak karyawan filem Hollywood menggunakan Koridor Raya Multimedia (MSC) untuk menghubungkan kreativiti mereka dengan keadaan yang diperlukan bagi melahirkan hiburan berunsur tempatan sesuai bagi Asia.

Menurutnya, rakyat Asia semakin memilih hiburan yang mementingkan ciri-ciri bahasa, dongengan, watak, muzik, kiasan dan lokasi, manakala MSC boleh menyediakan suasana terbaik bagi multimedia dan hiburan digital.

Ismail berkata kementerian mengalu-alukan karyawan filem terutamanya dari Hollywood untuk menjadikan Malaysia sebagai destinasi penggambaran filem mereka.

"Ini secara tidak langsung merupakan satu bentuk promosi percuma kepada industri pelancongan negara ini," katanya.

Beliau berkata karyawan filem luar juga boleh mengemukakan permohonan kepada Lembaga Pelancongan Malaysia untuk diusulkan kepada jawatankuasa berkenaan.

-- BERNAMA

MS AHH